

# Biar rugi asal rakyat hidup sempurna

MM 4 AUG 1985

P  
PULAU PINANG 3  
Ogos - Datuk Sri. Dr. Ma-  
hathir Mohamad berkata  
bahawa kerajaan sanggup  
menanggung kerugian untuk

menyediakan rumah-rumah  
kos rendah dengan hasrat  
rakyat dapat hidup dengan  
sempurna.

Menurut Perdana Men-  
teri, pembinaan rumah-  
rumah kos rendah itu menela-  
n belanja yang lebih tinggi  
daripada harga jualan ke-  
pada penghuni-penghuninya  
atau pendapatan daripada  
penyewaannya.

Berucap merasmikan 300  
unit rumah kos rendah kera-  
jaan negeri di Batu Lintang  
di sini yang dibina dengan  
belanja lebih \$9 juta, beliau  
berkata, kerajaan sanggup  
menanggung kerugian itu  
supaya rakyat tidak meng-  
hadapi kesukaran hidup.

"Terutamanya golongan  
muda dan kanak-kanak kecil  
yang dididik dan dibesarkan  
dalam kawasan yang tidak  
sempurna sehingga pemiki-  
ran mereka terbantut yang  
memberi kesan kepada peri-  
badi mereka di masa  
depan," ujar beliau.

Di samping memberitahu  
kerajaan pusat telah mem-  
beri peruntukan \$60 juta  
kepada Pulau Pinang untuk  
membina rumah-rumah mu-  
rah dalam rancangan Ma-  
laysia Keempat dan perunt-  
ukan yang serupa kepada  
negeri-negeri lain, beliau  
berkata, bagaimanapun ran-  
cangan itu tidak dapat me-  
layani semua pemohon dan  
sukar memuaskan hati me-  
reka yang memperolehinya.

Beliau berharap, pendu-  
duk yang bernasib baik  
menerima rumah-rumah itu  
yang dianggapnya sebagai  
pemberian yang mahal, me-  
melihara dengan baik  
rumah-rumah yang diberi-  
kan kepada mereka itu di

samping menjaga kebersi-  
han persekitarannya.

Datuk Sri. Dr. Mahathir  
menyesali adanya bangunan  
rumah yang begitu cantik  
dirosakkan dalam masa  
yang pendek dan lif yang  
ada juga dirosakkan.

"Kerosakan-kerosakan ini  
bukan sahaja tanggungan  
kerajaan atau pihak-pihak  
berkuasa yang membinanya  
tetapi sebenarnya pendu-  
duknya yang menderita,"  
jelasnya.

Perdana Menteri yang se-  
dang melakukan lawatan  
dua hari ke negeri ini mem-  
beritahu majlis yang juga  
dihadiri oleh Menteri Pertani-  
an, Encik Anwar Ibrahim  
dan Timbalan Menteri Pe-  
rumahan Datuk S. Sub-  
ramaniam dan Ketua Men-  
teri, Dr. Lim Chong Eu itu  
bahawa tujuan kerajaan

membina rumah-rumah kos  
rendah ialah untuk menjalin  
perpaduan antara kaum.

Rakyat dikehendaki hi-  
dup sebagai orang Malaysia  
yang bersatu padu dengan  
memberikan segala taat se-  
tia kepada negara dan tidak  
menganggapkan diri mereka  
itu daripada kaum-kaum  
yang berasingan katanya.

Perdana Menteri menam-  
bah, mereka yang mendu-  
duki rumah kos rendah ini  
akan mengeratkan perhu-  
bungan sesama mereka dan  
'kita tidak mahu mereka  
tinggal bersama tetapi hi-  
dup berasingan.'

Mereka hendaklah menu-  
buhkan badan penduduk-  
penduduknya supaya segala  
masalah yang dihadapi oleh  
mereka itu dapat diselesai-  
kan secara rundingan, ujar-  
nya.